


SA 31/3/2021 m/s 25

## PGA rampas kura-kura albino, ikan emas, ikan laga seludup bernilai RM73,200



Sebahagian daripada Ikan emas dan laga yang berjaya dirampas.

**RANTAU PANJANG** - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 merampas kura-kura albino, ikan emas dan ikan laga dianggarkan bernilai RM73,200 yang diseludup ke negara ini di pangkalan haram Hassan Merah pada Isnin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, rampasan haiwan itu dilakukan pada jam 3 pagi selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kereta jenis Nissan Latio yang tidak berkunci dan ditinggalkan di kawasan pangkalan haram Hassan Merah di sini.

“Kesemua haiwan tersebut dibungkus menggunakan guni putih dan diletakkan di tempat duduk penumpang belakang serta ruangan

penyimpanan barang.

“Pemeriksaan lanjut ke atas guni itu membawa kepada penemuan 20 ekor kura-kura albino, ikan emas (350 ekor) dan laga (545 ekor),” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Nor Azizan berkata, kesemua barangan rampasan itu akan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rantau Panjang untuk tindakan lanjut.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Maqis 2011.

“Siasatan awal mendapati kesemua haiwan itu dipercayai diseludup dari negara jiran menggunakan pangkalan haram tersebut,” katanya.